



Deraf Memorandum Persefahaman (MoU) UPM dengan UNIVERSITAS PAKUAN

Pejabat Penasihat Undang-Undang, UPM <legal@upm.my>
To: LIAISON COSCOMM / UPM <liaison@upm.edu.my>

Tue, Aug 21, 2018 at 12:36 PM

Salam Puan,

Kami merujuk kepada perkara di atas.

Kami telah menyemak dan meneliti draf Memorandum Persefahaman (MOU) yang dikemukakan dan memberi penasihatan berikut:-

1. Deraf MOU yang dikemukakan adalah menggunakan format MoU seragam Universiti dan selaras dengan Pekeliling Bil 5 Tahun 2008, KPT.
2. Pihak PTJ melalui TNC yang berkenaan hendaklah mendapatkan keputusan dan ketetapan sewajarnya daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) berkaitan pihak-pihak (institusi atau agensi) kepada MOU ini dan semua terma-terma yang terkandung dalam MOU berserta implikasi kos langsung dan tidak langsung mengenai aktiviti yang dinyatakan.
3. PTJ juga hendaklah mendapatkan perakuan Jawatankuasa-jawatankuasa lain jika berkenaan sebelum ke JPU.
4. Terma-terma yang terkandung dalam draf MOU ini adalah di bawah tanggungjawab pihak-pihak yang membuat keputusan dasar, perniagaan dan eksekutif yang hendaklah dilaksanakan sepenuhnya oleh PTJ sebagai obligasi yang dipersetujui dan mengikat pihak-pihak.
5. Pihak-pihak telah dinasihati sewajarnya terhadap implikasi terma-terma berkaitan perundangan yang terdapat dalam draf MOU.
6. Adalah menjadi tanggungjawab PTJ memastikan nama-nama yang dinamakan di bahagian penandatanganan bagi pihak ketiga adalah orang yang diberi kuasa untuk menandatangani MOU ini.
7. Setelah draf MOU ini mendapat keputusan dan ketetapan daripada JPU, PTJ hendaklah mengikut dengan tegasnya keputusan dan ketetapan JPU tersebut. Pihak PTJ juga hendaklah membawa kertas kerja dan perjanjian ini ke Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) untuk MAKLUMAN dan ke Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk PENGESAHAN.
8. Pihak PTJ juga hendaklah menghantar salinan kertas kerja dan MOU yang telah dimatikan setem ke Pejabat PUU bagi tujuan PENGESAHAN ke Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Seterusnya, untuk tindakan PTJ:

1. Bersama-sama ini dilampirkan salinan bersih MOU di antara UPM dan Universitas Pakuan (dalam format PDF) untuk tujuan PTJ melalui TNC yang berkenaan mendapatkan keputusan dan ketetapan JPU.
2. Setelah keputusan dan ketetapan diperolehi, sila majukan sesalinan minit yang disahkan tersebut dan Pejabat kami akan menyediakan naskhah tandatangan bagi tujuan tandatangan Naib Canselor yang akan diuruskan oleh pihak CoSComm.
3. Setelah MOU ditandatangani, sila pihak PTJ datang ke CoSComm untuk mendapatkan MOU yang telah ditandatangani tersebut untuk urusan penjilidan dan mati setem.
4. Sila majukan kepada CoSComm satu salinan MOU tersebut untuk simpanan CoSComm.
5. Pihak PTJ juga hendaklah menghantar salinan kertas kerja dan MOU yang telah dimatikan setem ke Pejabat PUU bagi tujuan PENGESAHAN ke Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Sekian, terima kasih.

Wan Aisyah Mior Shopi
b.p.: Nor Asyikin Harun

Pejabat Penasihat Undang-Undang

Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang,
Selangor Darul Ehsan
Tel: +603-8946 6172
Faks: +603-8947 2046

11/22/2020

Universiti Putra Malaysia Mail - Deraf Memorandum Persefahaman (MoU) UPM dengan UNIVERSITAS PAKUAN

Web: www.ppuu.upm.edu.my

[Quoted text hidden]



MOU UPM-Pakuan clean copy 210818.pdf

369K